

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 AUGUST 2016


Tindakan Dr. Mahathir melanggar prinsip sendiri

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Tindakan tanduk Tun Dr. Mahathir Mohamad yang cuba mencampuri urusan pentadbiran negara, seperti yang didehakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah tidak selari dengan prinsip yang dipegang sewaktu beliau menjadi Presiden UMNO dahulu.

Bekas Yang Dipertua Dewan Negara, **Tan Sri Abu Zahar Ujang** berkata, sewaktu Dr. Mahathir menjadi Presiden UMNO, beliau sering meminta agar ahli-ahli menyokong sesiapa sahaja yang telah dipilih oleh parti, walaupun mereka telah bersara atau tidak terpilih menjadi calon dalam pilihan raya umum.

Beliau mendedahkan pengalaman ketika dinasihatkan secara peribadi oleh Dr. Mahathir supaya menyokong sesiapa sahaja yang dipilih oleh Presiden parti untuk menjadi calon bertanding ketika Pilihan Raya Umum Ke-10 (PRU-10) dahulu.

"Ketika itu saya merupakan Ketua UMNO Bahagian Kuala Pilah dan dilantik menjadi Pengeru-



ABU ZAHAR UJANG



RAIS YATIM

si Jentera Barisan Nasional (BN) bagi kawasan Parlimen Kuala Pilah, namun nama saya sendiri tidak dicalonkan pada PRU-10 itu.

"Dr. Mahathir menasihatkan saya supaya mendahului parti serta sokong sesiapa sahaja yang dipilih dan saya akur, tetapi kenapa sekarang setelah bersara Dr. Mahathir tidak berpegang kepada prinsip tersebut?," katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Najib dalam temu bual eksklusif bersama portal berita Indonesia, *Metro TV News.com*, baru-baru ini berkata, Dr. Mahathir obses mengenai kawalan dan mahu menentukan dasar kerajaan walaupun tidak lagi menjadi Perdana Men-

teri. Menurut Abu Zahar, semua pihak menghormati Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan yang telah banyak berjasa kepada UMNO dan negara, namun tindakan beliau kini bersifat peribadi serta terlalu mengikut emosi.

"Sebagai orang lama, beliau boleh menasihati, tetapi janganlah emosi, jika ada cacat-cela, kita baiki bersama, tetapi jangan rosakkan parti dan negara. Apa yang menjadi kebimbangan saya ialah perpaduan orang Melayu akan hancur, jangan sebab marahkan nyamuk kelambu dibakar," jelasnya.

Penasihat Sosio Budaya Kerajaan, **Tan Sri Dr. Rais Yatim** pula berkata, Dr. Mahathir perlu bersikap adil terhadap Najib dan memberi peluang kepada Perdana Menteri untuk mencorakkan masa depan negara berdasarkan kredibilitinya sendiri.

Katanya, kuasa untuk menadbir negara kini telah diserahkan kepada Perdana Menteri dan kritikan secara berterusan hanya akan melemahkan negara.

um- 9/8/2016